

CHOGRM berguna bagi negara2

UM 8 AUG 1984

membangun - Mahathir

PROT MORESBY 7
Ogos - Malaysia tetap ber-
pendapat bahawa Persidangan
Scrantage Ketua
Ketua Kerajaan Komanwel
(CHOGRM) satu forum
yang berfaedah bagi
negara-negara sedang mem-
bangun di rantau ini dan
mahu ia diteruskan dalam
apa bentuk sekalipun. Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Perdana Menteri berkata,
"walaupun terdapat pera-
saan kurang minat di ka-
langan setengah-setengah
negara anggota teradap-
nya, tetapi Malaysia ber-
pendapat CHOGRM ad-
alah satu forum yang ber-

faedah.

"Mungkin ia boleh diada-
kan bila tiba waktu-waktu
keperluan untuknya timbul,
tidak ada sesuatu jadual
waktu yang ditetapkan sep-
erti sekarang."

Beliau menyatakan demi-
kian ketika diminta men-
gulas desas desus mengenai
adanya di kalangan negara
anggota yang mahukan
CHOGRM yang diadakan
dua tahun sekali dimansuh-
kan.

Persidangan
CHOGRM keempat akan
berlangsung di sini esok.

Adalah dijangka Perdana
Menteri akan menyatakan
pendirian Malaysia itu da-
lam persidangan berkenaan.

Bercakao kepada para
wartawan 'Malaysia di hotel
penginapannya di sini Datuk
Sri Dr. Mahathir berkata
beliau tidak setuju dengan
pandangan, mengatakan
negara-negara maju seme-
mangnya tidak mahu wu-
judnya jalinan hubungan
kerjasama yang erat di ka-
langan negara-negara se-
dang membangun.

Ada di kalangan negara
maju yang memang mahu
melihat wujudnya satu
bentuk kerjasama di ka-
langan negara-negara di
rantau Pasifik. Hubungan
seumpama- ini boleh mem-
bawa ke arah pembentukan

satu forum di antara
negara-negara ASEAN
dengan Pasifik, ujarnya.

Sekarang ini terdapat 18
buah negara di rantau ini
yang menyertai CHOGRM.
Persidangan ini diadakan
dua tahun sekali berselang
seli dengan persidangan
penuh negara-negara Ko-
manwel seluruh dunia yang
juga diadakan dua tahun se-
kali.

CHOGRM pertama dia-
dakan pada tahun 1978 di
Sydney, Australia, kedua di
New Delhi, India dan ketiga
di Suva Fiji.

Datuk Sri Dr. Mahathir
juga memberitahu belia u
Menurutnya Perdana
Menteri, Somoa Barat telah
menyatakan minatnya un-
dangan Perdana Menteri tuk
mendapatkan beberapa
orang guru dan pegawai
'penasihat dari Malaysia un-
tuk berkhidmat di negara
itu.